

Headline	Perluaskan program Tunas Mekar - Abdullah	Language	MALAY
Date	10. Jan 2009	Page No	2
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	451 cm²
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	8917.85



Perluaskan program Tunas Mekar – Abdullah

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

SHAH ALAM 9 Jan. – Datuk Seri Abdulrahman Ahmad Badawi mahu program perintis yang melibatkan graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan pengusaha tempatan diperluaskan di seluruh negara bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera tulen.

Perdana Menteri berkata, langkah itu mampu melahirkan lebih ramai usahawan tulen dan ia juga penting bagi menyelaras dan menyusun masyarakat di negara ini.

"Bagi menyusun semula masyarakat, kita tidak boleh bergantung hanya kepada agihan ekuiti kerana ia tidak mencukupi.

"Untuk itu, program pembangunan usahawan tulen bumiputera diperlukan untuk meramaikan golongan usahawan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan program Jaringan Tunas Mekar, Pusat Reka Bentuk Kebangsaan (NDC), Batik dan Songket MIM di Dewan Seri Budiman di UiTM di sini hari ini.

Turut hadir Datin Seri Jeanne Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ir. Idris Haron, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Khalid Ramli dan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah.

Program Tunas Mekar yang dimulakan pada 2005 dilihakkam oleh Perdana Menteri untuk menggalakkan graduan UiTM menjadi usahawan apabila tamat pengajian.

Program dengan kerjasama ICU itu menyaksikan graduan terlibat diberi pendekahan dan latihan bersama pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selama setahun dengan dipantau oleh pensyarah UiTM.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, turut tidak mahu usahawan yang dilahirkan hanya menjadi pemegang saham dan 'rakan kongsi tidur' semata-mata kerana ia tidak membantu memberi nilai tambah kepada perniagaan mereka.

"Ada pula saham itu pun bukanlah tulen kerana dipegang atas nama dia, tetapi bagi orang lain," jelas beliau.

Pada masa yang sama, Abdullah menyoh-

kong usaha Ibrahim untuk menubuhkan Institut Keusahawanan Bumiputera bagi mengembangkan konsep Tunas Mekar di UiTM.

Perdana Menteri berkata, institut pengajian tinggi perlu berperanan sebagai barisan hadapan bagi menambah nilai graduan yang dilahirkan, selagi gus menjadi kira Malaysia sebuah negara maju pada masa depan.

Abdullah berkata, NDC mesti menjadi pusat penghasilan barang yang berkualiti tinggi serta lebih kreatif dalam mereka bentuk untuk menarik minat pembeli walaupun harga yang ditawarkan adalah tinggi.

"Pengusaha tongkat misalnya daripada batang kelapa yang dijual dengan harga RM100 dan apabila menghasilkan 60 tongkat mampu memperoleh pulangan RM6,000 kerana kreativiti dan keunikannya," jelas beliau yang gemar mengumpul tongkat semasa menjadi Menteri Luar termasuk tongkat daripada buah pinang berharga RM380 yang menjadi miliknya.

Tambahnya, dengan menggunakan daya kreatif dan kemahiran tinggi juga barang terbuang seperti tunggul kayu yang direka menjadi mangkuk boleh dijual sehingga RM6,000 sebijinya di pasaran.

Abdullah turut menarik perhatian bahan-bahan batik dulunya yang dipakai untuk pakaian basah dan pengikat kain semut.

Bagaimanapun, katanya, hasil usaha promosi dan dipoparkan oleh Allahyarham Datuk Seri Endon Mahmood di luar negara termasuk pameran di Belanda serta Australia, menyaksikan nilainya kini mencapai ribuan ringgit kerana sudah diterima oleh masyarakat antarabangsa.

"Jeanne pula gemar mereka cipta barang-barang peralatan dulang hantaran untuk hantaran kahwin walaupun bahannya mudah didapati, tetapi hasil rekaannya menarik menjadikannya bernilai tinggi," dedah beliau.

Sementara itu, Abdullah turut melahirkan keyakinannya terhadap usaha bekas Ketua Penyelidikan dan Pembangunan Motorola, Abdul Wahab Abdullah mencipta komputer ringkas yang digelar Makcik PC dengan kerjasama MIMOS Bhd.

Katanya, ciptaan itu bukan sahaja mam-



ABDULLAH Ahmad Badawi diberi penerangan mengenai hasil reka bentuk di Pusat Reka Bentuk Kebangsaan (NDC) di UiTM Shah Alam, semalam.

– Gambar IZHAN JAAFAR

pu meningkatkan jumlah pengguna Internet di kawasan desa sekali gus menunjukkan kejayaan kerajaan memperkenalkan e-kerajaan kepada masyarakat.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan Anugerah Tokoh Usahawan Mekar 2008 kepada pengusaha kilang kopi, Mohamad Chin dari Serdang, Kedah, bagi kategori lelaki, manakala bagi kategori wanita pula dimenangi oleh pemilik dua buah bot

nelayan laut dalam, Aishah Mahmud, dari Tok Bali Kelantan.

Selepas majlis itu, Abdullah bersama-sama penuntut dan kakitangan UiTM menuaikan solat Jumaat dan kemudian solat hajat untuk mendoakan agar keganasan rejim Zionis ke atas rakyat Palestin di Gengt Gaza dihentikan.

Perdana Menteri turut melancarkan Tabung Palestin UiTM.